

A CONCEPTUAL FRAMEWORK FOR AN ADVANCED ARABIC SPEAKING MODEL INTEGRATING NAHU WAZIFI, CEFR AND ARTIFICIAL INTELLIGENCE

KERANGKA KONSEPTUAL MODEL PERTUTURAN BAHASA ARAB LANJUTAN BERASASKAN INTEGRASI NAHU WAZIFI, CEFR DAN KECERDASAN BUATAN

Mohd Nizwan Muslingiⁱ, Yuslina Mohamedⁱⁱ, Noor Saazai Mat Saadⁱⁱⁱ, Muhammad Izuan Abd Gani^{iv} &
Azlan Shaiful Baharum^v & Mohd Taqwudin Mohd Yazid^{vi}

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) & Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia. mohdnizwan@usim.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia. yuslina@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia. noorsaazai@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia. izuanis@usim.edu.my

^v Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia. azlan_arab@usim.edu.my

^{vi} Pensyarah Kanan, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. mohdtaqwudin@ums.edu.my

Article Progress

Received: 1 June 2026

Revised: 23 June 2026

Accepted: 1 July 2026

Abstract	<i>The absence of an integrative framework often results in teaching that is detached from authentic communicative contexts and poses ethical dilemmas in technology usage. Therefore, the development of a conceptual framework integrating Functional Grammar (Nahu Wazifi), CEFR standards, and Artificial Intelligence (AI) is crucial in the structuring of advanced Arabic conversation modules. Accordingly, this study aimed to develop a comprehensive conceptual framework to strengthen students' communicative competence and digital literacy through a qualitative approach. It employed document analysis as a data collection method. The data were derived from the module, CEFR rubrics and task production involving 108 students. The framework development was tested across three authentic contexts: location reporting, interaction with native speakers, and public speaking. These assessments were aligned with CEFR-based hybrid rubrics (levels B2-C1) and a three-phase AI-review Standard Operating Procedure (SOP) to ensure discourse authenticity. The analysis revealed that the conceptual framework effectively maps grammar operations as a 'resource for meaning' in interactions, while the systematic AI control mechanisms were found to strengthen the framework's structural integrity and academic integrity. Overall, the development of this holistic conceptual framework bridges the pedagogical gap between linguistic theory and technological application, offering an innovative new model for Arabic language education globally.</i> Keywords: Grammar, CEFR, Artificial Intelligence (AI), Conversation, Arabic.
Abstrak	<i>Ketiadaan suatu kerangka integratif yang menyeluruh sering menyebabkan pengajaran bahasa Arab terpisah daripada konteks komunikasi autentik, di</i>

samping menimbulkan pelbagai persoalan etika dalam penggunaan teknologi. Oleh itu, pembangunan suatu kerangka konseptual yang mengintegrasikan pendekatan Nahu Wazifi, piawaian Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI) adalah penting dalam mereka bentuk modul pertuturan bahasa Arab lanjutan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan membangunkan satu kerangka konseptual yang komprehensif bagi memperkukuh kompetensi komunikasi dan literasi digital pelajar melalui pendekatan kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Data diperoleh daripada modul pembelajaran, rubrik CEFR serta hasil tugasan yang melibatkan 108 orang pelajar. Pembangunan kerangka ini diuji melalui tiga konteks komunikasi autentik, iaitu pemberitaan lokasi, interaksi bersama penutur jati bahasa Arab dan pengucapan awam. Kesemua konteks tersebut dinilai menggunakan rubrik hibrid berasaskan CEFR (tahap B2–C1) serta Prosedur Operasi Standard (SOP) semakan AI tiga fasa bagi memastikan keaslian dan ketulenan wacana yang dihasilkan. Analisis kajian menunjukkan bahawa kerangka konseptual yang dibangunkan berjaya memetakan fungsi tatabahasa sebagai “sumber pembinaan makna” dalam interaksi komunikasi. Pada masa yang sama, mekanisme kawalan AI yang sistematik didapati mampu memperkukuh integriti struktur kerangka serta integriti akademik dalam pelaksanaan pembelajaran. Secara keseluruhannya, pembangunan kerangka konseptual yang holistik ini mampu merapatkan jurang pedagogi antara teori linguistik dan aplikasi teknologi, sekali gus menawarkan satu model inovatif baharu bagi pendidikan bahasa Arab di peringkat global.

Kata kunci: Nahu, CEFR, Kecerdasan Buatan (AI), Pertuturan, Bahasa Arab.

PENDAHULUAN

Kemahiran pertuturan merupakan salah satu komponen terpenting dalam penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing kerana ia mencerminkan keupayaan sebenar seseorang pelajar menggunakan bahasa secara komunikatif dalam situasi kehidupan sebenar. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing, penguasaan kemahiran pertuturan sering menjadi cabaran utama walaupun pelajar telah mengikuti pembelajaran tatabahasa secara formal selama bertahun-tahun melalui sistem pendidikan.

Kajian dalam bidang pemerolehan bahasa kedua menunjukkan bahawa penguasaan peraturan linguistik semata-mata tidak semestinya menjamin keupayaan berkomunikasi secara lisan sekiranya pembelajaran tidak dikaitkan dengan konteks penggunaan bahasa yang autentik (Richards & Rodgers, 2014; Ellis, 2015). Dalam banyak situasi pengajaran bahasa Arab, pendekatan pembelajaran dikesan masih didominasi oleh orientasi tatabahasa tradisional yang menekankan analisis struktur nahu secara terpisah daripada konteks komunikasi semasa.

Pendekatan ini lazimnya memberi tumpuan kepada pengkategorian kata dan ayat, perubahan tanda baris akhir (i‘rab), serta peraturan sintaksis tanpa memberikan penekanan yang mencukupi kepada fungsi bahasa dalam wacana interaksi. Akibatnya, pelajar mungkin memahami peraturan tatabahasa secara teoritikal tetapi mengalami kekangan keyakinan untuk menggunakannya dalam situasi pertuturan sebenar (Al Husseini, 2022; Ryding, 2013; Sumi & Tominaga, 2022).

Keadaan ini mendedahkan wujudnya jurang yang ketara antara pengetahuan linguistik dengan kompetensi komunikasi dalam kalangan pelajar bahasa Arab sebagai bahasa asing, khususnya dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia. Jurang kompetensi lisan ini menjadi lebih sukar diatasi apabila instrumen penilaian sedia ada kurang diselaraskan dengan piawaian kompetensi antarabangsa yang diiktiraf seperti Common European Framework of Reference for Languages (CEFR).

Khususnya bagi peringkat lanjutan (tahap B2 hingga C1), ketiadaan penanda aras yang jelas menghadkan keupayaan untuk mengukur aspek kefasihan, organisasi wacana, dan kecekapan pragmatik pelajar secara objektif dan kompetitif. Isu pedagogi dan penilaian ini menjadi bertambah kompleks dengan kemunculan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) generatif dalam persekitaran pembelajaran masa kini.

Walaupun AI berpotensi menawarkan sokongan yang luas untuk pembelajaran bahasa secara mandiri, ketiadaan panduan pedagogi yang berstruktur didapati boleh meningkatkan risiko terhadap integriti akademik dan kebergantungan teknologi yang tidak terkawal (Godwin-Jones, 2023). Oleh itu, pengintegrasian teknologi ini memerlukan suatu kawalan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang jelas bagi memastikan penggunaannya kekal beretika tanpa menjejaskan proses pemerolehan bahasa semula jadi.

Atas dasar itu, kajian ini dilaksanakan bagi membangunkan satu kerangka konsep bersepadu yang menghubungkan pendekatan Nahu Wazifi, piawaian CEFR, dan kawalan teknologi AI bagi menangani jurang-jurang tersebut. Keperluan untuk mengintegrasikan pendekatan pengajaran tatabahasa yang lebih berorientasikan fungsi komunikasi adalah suatu yang relevan.

Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian dalam pedagogi bahasa Arab ialah pendekatan Nahu Wazifi, iaitu pendekatan yang menekankan penggunaan struktur tatabahasa berdasarkan fungsi komunikatifnya dalam konteks penggunaan bahasa. Pendekatan ini melihat tatabahasa bukan sekadar sebagai sistem peraturan linguistik yang perlu dihafal, tetapi sebagai alat untuk menyampaikan makna, membina hujah serta membentuk wacana komunikasi yang bermakna (Al-Shammari, 2018; Boulesnam & Boucetti, 2025).

Dalam pendekatan ini, struktur bahasa dipelajari melalui konteks komunikasi seperti dialog, laporan, wawancara dan pengucapan awam. Dalam masa yang sama, perkembangan kerangka antarabangsa seperti Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) turut memberi pengaruh besar terhadap reka bentuk kurikulum bahasa moden.

CEFR menekankan pembangunan kompetensi komunikasi melalui deskriptor kecekapan bahasa yang merangkumi keupayaan pelajar untuk menyampaikan idea secara jelas, berinteraksi secara spontan serta menyesuaikan penggunaan bahasa mengikut konteks sosial dan profesional tertentu (Council of Europe, 2020). Dalam konteks kemahiran pertuturan, kerangka ini menilai kemampuan pelajar bukan sahaja dari aspek ketepatan linguistik tetapi juga dari segi kefasihan, koherensi wacana serta keberkesanan strategi komunikasi.

Selain itu, perkembangan teknologi pendidikan khususnya dalam bidang kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) turut membuka dimensi baharu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pelbagai aplikasi berasaskan AI seperti sistem pengesanan suara, chatbot pembelajaran bahasa, serta sistem maklum balas automatik terhadap pertuturan telah digunakan bagi membantu pelajar meningkatkan kemahiran komunikasi secara lebih interaktif dan autentik (Godwin-Jones, 2022; Huang, Hew & Fryer, 2022).

Integrasi teknologi ini membolehkan pelajar memperoleh peluang latihan pertuturan yang lebih fleksibel di luar bilik darjah serta menerima maklum balas yang lebih segera terhadap penggunaan bahasa mereka. Berdasarkan perkembangan ini, pembangunan modul pertuturan bahasa Arab lanjutan memerlukan satu kerangka pedagogi yang mampu mengintegrasikan pendekatan linguistik, standard kompetensi bahasa antarabangsa serta sokongan teknologi pembelajaran moden.

Dalam konteks ini, pendekatan Nahu Wazifi berfungsi sebagai asas linguistik yang menekankan fungsi bahasa, CEFR menyediakan kerangka penanda aras kompetensi komunikasi, manakala AI bertindak sebagai medium sokongan teknologi bagi memperkayakan pengalaman pembelajaran bahasa.

Justeru, artikel ini bertujuan memperincikan satu kerangka konsep model pertuturan bahasa Arab lanjutan yang mengintegrasikan pendekatan Nahu Wazifi,

kerangka penilaian CEFR dan sokongan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam usaha memperkukuh pembangunan kompetensi komunikasi lisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat universiti.

Secara khususnya, artikel ini mempunyai tiga objektif utama: (1) menjelaskan asas konseptual integrasi Nahu Wazifi, CEFR dan AI dalam pembangunan model pertuturan bahasa Arab lanjutan; (2) menghuraikan konteks komunikasi yang digunakan dalam modul pertuturan ini yang merangkumi pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati Arab dan pengucapan awam; serta (3) menerangkan bentuk penilaian kemahiran pertuturan melalui penggunaan rubrik penilaian yang diselaraskan dengan hasil pembelajaran kursus dan deskriptor kompetensi pertuturan CEFR.

Artikel yang menghuraikan reka bentuk asas model ini adalah berdasarkan pelaksanaan kursus *Pertuturan Bahasa Arab Lanjutan* yang melibatkan pelbagai konteks komunikasi seperti pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati Arab serta pengucapan awam. Ketiga-tiga konteks ini digunakan sebagai medium untuk mengaplikasikan struktur bahasa secara fungsional bagi membolehkan pelajar menggunakan bahasa Arab secara lebih autentik dan bermakna dalam komunikasi lisan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif (Creswell, 2014) yang berfokus kepada pembangunan kerangka konsep berdasarkan analisis terhadap modul pertuturan bahasa Arab lanjutan yang telah dibangunkan dan dilaksanakan dalam kursus BAL3832. Kerangka tersebut dirumuskan melalui analisis terhadap reka bentuk modul, konteks komunikasi, rubrik penilaian, hasil pembelajaran kursus (CLO), penggunaan AI serta hasil pembelajaran pelajar.

Pemilihan pelajar ini sebagai sampel dilakukan secara bersasar (*purposive sampling*), yang melibatkan kumpulan peserta yang homogen, iaitu semua pelajar tahun dua melibatkan seramai 108 orang pelajar, program Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Komunikasi (Kepujian) di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi sesi akademik 2025/2026.

Bagi memastikan pematuhan terhadap standard etika penyelidikan yang melibatkan data manusia, prosedur kajian ini telah dinilai dan mendapat kelulusan rasmi daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan USIM dengan kod rujukan USIM/JKEP/2026-382. Kajian ini dilaksanakan mengikut tempoh kelulusan etika yang berkuat kuasa, iaitu dari 1 Julai 2025 hingga 1 Julai 2026.

Pada peringkat pengumpulan data, kaedah semakan dokumen diaplikasikan secara berstruktur ke atas dokumen pelaksanaan tugas, senarai tajuk pengucapan awam, serta log aktiviti pelajar. Kesemua data ini dikumpulkan menerusi pelaksanaan kursus Pertuturan Bahasa Arab Lanjutan (BAL3832) yang direka bentuk untuk mendedahkan pelajar kepada tiga konteks komunikasi autentik: pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati, dan pengucapan awam.

Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti kecenderungan dan pola operasi bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar dalam situasi menyerupai kehidupan sebenar. Bagi memastikan keseragaman pelaksanaan modul, ketiga-tiga tugas ini dilaksanakan secara berurutan bagi memastikan peningkatan kompetensi pertuturan pelajar daripada konteks komunikasi yang lebih terkawal kepada situasi komunikasi yang lebih kompleks.

Pada peringkat awal, pensyarah menerangkan objektif, hasil pembelajaran, rubrik penilaian dan kriteria prestasi bagi setiap tugas kepada semua pelajar. Setiap pelajar turut dibekalkan dengan panduan tugas yang mengandungi penerangan konteks komunikasi, hasil pembelajaran yang disasarkan, tempoh pelaksanaan, serta kriteria penilaian berasaskan rubrik CEFR B2–C1.

Pelaksanaan tugas diselaraskan secara berpusat oleh pensyarah kursus bagi memastikan keseragaman dari segi kandungan, prosedur dan kaedah penilaian. Sebelum tugas dilaksanakan, pelajar diberi sesi bimbingan dan latihan menggunakan contoh

tugas. Sepanjang pelaksanaan modul, pensyarah turut memberikan maklum balas formatif bagi membantu pelajar menambah baik prestasi mereka sebelum penilaian akhir dijalankan.

Seterusnya, penganalisan data dilaksanakan menggunakan pendekatan analisis kandungan secara deduktif (*deductive content analysis*) (Elo & Kyngäs, 2008), dengan prinsip dan prosedur analisis kandungan berpanduan kerangka yang dikemukakan oleh Krippendorff (2018). Analisis ini dijalankan terhadap dokumen teras yang merangkumi modul pengajaran, rubrik hibrid CEFR (tahap B2-C1), serta skrip hasil tugas sebenar pelajar.

Penganalisan data yang melihat tiga elemen utama model konteks komunikasi autentik, kompetensi komunikasi lisan sejajar CEFR (B2–C1), dan sokongan AI digunakan sebagai kerangka analisis bagi mengenal pasti pola hubungan dan integrasi antara komponen-komponen tersebut. Proses penganalisan ini bertujuan untuk memetakan keupayaan kerangka dalam mengoperasikan nahu sebagai "sumber makna" mengikut keperluan konteks.

Di samping itu, kajian ini turut meneliti tahap pengawalan integriti akademik melalui pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) semakan AI tiga fasa (Teks Asli, Semakan AI, dan Teks Akhir). Pelaksanaan SOP ini bertujuan memastikan penggunaan AI kekal sebagai alat sokongan pembelajaran tanpa menjejaskan keaslian idea dan integriti akademik pelajar. Hasil daripada keseluruhan proses analisis ini telah menghasilkan satu kerangka konseptual yang mengintegrasikan pendekatan Nahu Wazifi, piawaian CEFR dan teknologi AI sebagai asas pembangunan model pertuturan bahasa Arab lanjutan yang dicadangkan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menjelaskan kerangka konseptual model pertuturan bahasa Arab lanjutan yang dibangunkan melalui integrasi pendekatan Nahu Wazifi, CEFR dan kecerdasan buatan (AI). Sehubungan itu, kerangka konseptual ini dibina berasaskan tiga elemen utama yang saling melengkapi, iaitu: (1) konteks komunikasi yang autentik dan bermakna, (2) kesejajaran rubrik kompetensi komunikasi lisan Arab lanjutan dengan CEFR tahap B2 hingga C1, dan (3) sokongan teknologi AI dalam memperkukuh kompetensi pertuturan.

Hubungan antara ketiga-tiga elemen ini saling melengkapi dan menjadi asas kepada pembangunan model pertuturan bahasa Arab lanjutan yang dicadangkan dalam kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Model pertuturan bahasa Arab lanjutan yang dicadangkan dalam kajian ini dibina berasaskan prinsip bahawa penguasaan kemahiran lisan perlu berlaku melalui penggunaan bahasa dalam situasi komunikasi yang sebenar dan bermakna.

Oleh itu, pengajaran tatabahasa tidak lagi dilaksanakan secara terasing seperti dalam pendekatan nahu tradisional, sebaliknya diintegrasikan secara langsung dalam aktiviti komunikasi. Dalam kerangka ini, pendekatan Nahu Wazifi berfungsi sebagai asas linguistik yang menekankan penggunaan struktur tatabahasa berdasarkan fungsi komunikatifnya dalam wacana pertuturan.


Pelajar tidak hanya mempelajari bentuk struktur bahasa seperti *jumlah ismiyyah*, *jumlah fi'liyyah* atau pelbagai bentuk uslub, tetapi turut memahami bagaimana struktur tersebut digunakan dalam situasi komunikasi tertentu seperti laporan, dialog atau ucapan awam.

Pembangunan model ini turut diselaraskan dengan deskriptor kemahiran pertuturan dalam kerangka CEFR khususnya pada tahap B2 hingga C1. Pada tahap ini, pelajar diharapkan mampu menyampaikan idea dengan jelas dan teratur, menjelaskan pandangan secara terperinci serta berinteraksi secara spontan dalam pelbagai situasi komunikasi.

Penyelarasan dengan CEFR ini penting kerana ia menyediakan penanda aras antarabangsa bagi menilai tahap kompetensi komunikasi pelajar bahasa kedua. Oleh itu,

reka bentuk aktiviti pertuturan dalam kursus ini dirancang supaya selari dengan deskriptor kecekapan pertuturan seperti kemampuan menghuraikan pengalaman, menyampaikan hujah, mempertahankan pandangan serta menyesuaikan penggunaan bahasa mengikut konteks sosial dan profesional.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Model Pertuturan Bahasa Arab Lanjutan Berasaskan Integrasi Nahu Wazifi, CEFR dan Kecerdasan Buatan (AI)



Di samping itu, teknologi kecerdasan buatan (AI) turut digunakan sebagai alat sokongan pembelajaran bagi memperkayakan pengalaman latihan pertuturan pelajar. Melalui penggunaan aplikasi AI seperti sistem pengecaman suara, chatbot bahasa serta alat maklum balas pertuturan, pelajar berpeluang melatih kemahiran komunikasi secara lebih kerap di luar bilik darjah. Teknologi ini membantu pelajar mengenal pasti kesalahan linguistik, memperbaiki sebutan serta meningkatkan kelancaran pertuturan secara berperingkat.

ELEMEN 1: KONTEKS KOMUNIKASI AUNTENTIK DAN BERMAKNA

Elemen pertama dalam kerangka konsep modul ini ialah konteks komunikasi yang autentik dan bermakna. Elemen ini dibina atas asas bahawa penguasaan bahasa tidak berlaku secara optimum sekiranya pelajar hanya didedahkan kepada latihan struktur secara terasing daripada situasi komunikasi sebenar. Dalam tradisi linguistik Arab, hubungan antara struktur bahasa dan makna telah lama diberi perhatian.

Al-Jurjani (1984), misalnya, menegaskan bahawa makna tidak lahir daripada unsur bahasa secara terpisah, tetapi terbentuk melalui hubungan, susunan dan fungsi unsur tersebut dalam konteks ujaran, sebagaimana yang dihuraikan dalam teori *nazm*. Dalam disiplin nahu klasik pula, Sibawayh (1988) dan Ibn Hisham (1990) memperlihatkan bahawa analisis struktur bahasa Arab tidak dapat dipisahkan daripada maksud penggunaan, keadaan ujaran dan tujuan penutur.

Dari sudut pedagogi moden, pandangan ini seiring dengan pendekatan komunikatif dan pemerolehan bahasa kedua yang menekankan penggunaan bahasa dalam konteks sebenar sebagai prasyarat kepada perkembangan kompetensi lisan (Richards & Rodgers, 2014; Ellis, 2015).

Berdasarkan asas tersebut, model pertuturan bahasa Arab lanjutan dalam kajian ini memberi penekanan kepada pembinaan aktiviti berdasarkan konteks komunikasi yang hampir dengan realiti penggunaan bahasa. Dalam pelaksanaan kursus BAL3832, konteks komunikasi autentik ini direalisasikan melalui tiga domain utama, iaitu pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati Arab dan pengucapan awam. Ketiga-tiga konteks ini dipilih kerana ia mewakili situasi komunikasi yang berbeza serta memerlukan penggunaan strategi bahasa yang pelbagai.

KONTEKS 1: PEMBERITAAN LOKASI

Konteks pertama yang diketengahkan dalam modul pertuturan bahasa Arab lanjutan ini ialah pemberitaan lokasi atau simulasi wartawan lapangan, yang dikonseptualisasikan dalam bahasa Arab sebagai *Murasil Maydani Fi Mawqi' Hadath* (Musling et al., 2026). Pemilihan aktiviti ini didorong oleh keperluan untuk menyediakan platform komunikasi lisan yang autentik bagi pelajar yang mengambil pengkhususan minor dalam bidang Komunikasi dan Kewartawanan (Musling et al., 2025).

Dari sudut linguistik, fungsi utama pemberitaan lokasi adalah bersifat deskriptif-kontekstual; ia menuntut keupayaan pelajar untuk melaporkan peristiwa, keadaan, dan pemerhatian lapangan secara langsung, objektif, dan profesional (Musling et al., 2026). Melalui pendekatan ini, nahu tidak lagi diajar secara terasing, sebaliknya dioperasikan sebagai "alat pembinaan wacana" yang mengatur penyampaian maklumat dan interaksi secara serentak.

Bagi memastikan pelaporan lisan dilaksanakan dengan tepat dan bersistematik, pengoperasian Nahu Wazifi dalam konteks ini dipetakan secara terperinci berpandukan kerangka kewartawanan 5W1H (*What, Who, Why, Where, When, How*) (Musling et al., 2025). Setiap elemen wacana berita memerlukan struktur tatabahasa yang spesifik untuk berfungsi secara optimum:

- i. Orientasi dan Pengenalan: Laporan lazimnya dimulakan dengan *uslub tahaya* (kata sapaan formal) dan *istihlal* bagi menetapkan laras bahasa rasmi dan mengorientasikan audiens kepada topik (Musling et al., 2026).

- ii. Penetapan Konteks Ruang dan Masa: Bagi menjawab persoalan 'Bila' dan 'Di mana', pelajar dilatih menggunakan struktur *zaraf zaman* dan *zaraf makan* yang dihubungkan dengan *frasa jar wa majrur*. Dominasi penanda wacana ruang dan masa ini adalah kritikal kerana ia memberikan konteks fizikal kepada wacana berita yang disampaikan (Musling et al., 2026).
- iii. Huraian Peristiwa: Bagi menjelaskan situasi (Apa dan Mengapa), pelajar menggunakan *uslub isnadi* secara seimbang. *Jumlah ismiyyah* diaplikasikan untuk menyatakan fakta yang bersifat tetap dan deskriptif, manakala *jumlah fi'liyyah* digembleng untuk menghadirkan dinamika pergerakan dan tindakan yang sedang berlangsung di lokasi kejadian (Musling et al., 2026).
- iv. Kredibiliti Pelaporan: Untuk meningkatkan tahap kredibiliti dan kejutuan maklumat (persoalan 'Berapa'), modul ini menekankan penggunaan struktur bilangan (*tarkib 'adad* dan *ma'dud*), di samping *uslub tawkid* (penegasan) bagi menyokong fakta dan statistik yang dilaporkan (Musling et al., 2025; Musling et al., 2026).

Selain pelaporan naratif satu hala, pemberitaan lokasi turut menuntut pelajar mengalihkan wacana kepada interaksi dua hala melalui sesi wawancara bersama responden. Peralihan wacana ini dioperasikan menggunakan *uslub istifham* (kata tanya) yang tepat (Musling et al., 2026) bagi menghidupkan interaksi dua hala dengan responden di lokasi (Musling, 2025a).

Menariknya, kajian terhadap pelaksanaan modul ini merekodkan berlakunya adaptasi pragmatik dalam kalangan pelajar. Sebagai contoh, semasa menggunakan *uslub nida'* (seruan) untuk menyapa responden, pelajar mendapati penanda seruan (seperti "Ya") boleh digugurkan memandangkan konteks komunikasi berlaku secara bersemuka (Musling et al., 2026). Fleksibiliti ini membuktikan bahawa pelajar bukan sahaja mematuhi aturan nahu, tetapi peka terhadap kesesuaian penggunaannya mengikut situasi pragmatik sebenar.

KONTEKS 2: PERBUALAN BERSAMA PENUTUR JATI ARAB

Konteks kedua ialah perbualan bersama penutur jati Arab yang memberi penekanan kepada kemahiran interaksi dua hala, yang dilaksanakan melalui dua bentuk utama iaitu perbualan dua hala (*kalam thuna'i*) dan perbincangan berkumpulan (*niqash jama'i*) merentasi domain sosial, akademik, dan kerjaya (Musling et al., 2026). Dalam aktiviti ini, pelajar perlu berinteraksi secara langsung dengan penutur jati yang turut bertindak sebagai penguji melalui sesi perbualan berkaitan topik tertentu seperti pengalaman belajar, budaya masyarakat Arab, perbincangan projek atau isu semasa (Musling et al., 2025; Musling et al., 2026).

Aktiviti ini menuntut pelajar untuk memahami soalan, memberi respons secara spontan serta mengekalkan kelangsungan perbualan dengan memfokuskan kepada fungsi interpersonal. Dari sudut pengoperasian Nahu Wazifi, tatabahasa dalam konteks ini tidak dipilih secara mekanikal, sebaliknya bertindak sebagai "sumber makna" (resource of meaning) di mana pelajar memilih struktur untuk menyusun identiti, mengurus interaksi, dan menjaga kesantunan secara dinamik (Musling et al., 2026).

Sebagai contoh, *uslub istifham* (kata tanya) diaplikasikan secara meluas bagi membuka ruang kolaborasi dan menghidupkan interaksi dua hala, manakala struktur *ta'lil* (alasan) dan *tafsil* (huraian) digembleng untuk menyokong hujah dan mempertahankan pendapat (Musling et al., 2026). Selain itu, struktur *zaraf kerap* digunakan bagi menetapkan medan wacana perbandingan budaya, diiringi penggunaan *fi'il madhi* dan *mudhari'* untuk menzahirkan pandangan yang bersifat umum dan berterusan (Musling et al., 2025; Musling et al., 2026).

Melalui interaksi ini, pelajar dapat mengaplikasikan struktur bahasa secara lebih semula jadi serta mengembangkan strategi komunikasi autentik seperti meminta penjelasan, memberikan contoh dan menyatakan persetujuan atau ketidaksetujuan secara taktikal.

KONTEKS 3: PENGUCAPAN AWAM

Konteks ketiga ialah pengucapan awam, iaitu kemahiran menyampaikan ucapan secara lisan di hadapan khalayak dengan tujuan mempengaruhi, memaklumkan, atau menghiburkan pendengar (Musling et al., 2025; Musling et al., 2026). Dalam amalan sebenar kursus ini, proses pemilihan tajuk dilaksanakan secara berstruktur pelajar dikehendaki meneliti isu-isu semasa yang dilaporkan oleh media, kemudian memfokuskan perbincangan kepada aspek yang spesifik bagi membentuk tajuk yang tuntas (Musling, 2025b).

Analisis terhadap senarai tajuk pengucapan awam pelajar (Musling, 2025b) membuktikan bahawa wacana yang diutarakan sangat kritis, merangkumi tiga domain utama, iaitu: (1) Tema Sosial seperti polemik ketagihan media sosial, kelestarian alam sekitar, kesihatan mental, dan krisis institusi kekeluargaan; (2) Tema Akademik seperti cabaran pendidikan digital, integriti akademik, dan keseimbangan pencapaian pelajar; serta (3) Tema Kerjaya yang mengupas realiti pasaran kerja masa kini seperti isu pengangguran siswazah, dilema gaji rendah, dan kebolehpasaran graduan bahasa Arab di luar bidang pengkhususan.

Malah, bagi memastikan wacana berada pada tahap kualiti yang tinggi, pelajar turut dipandu untuk memanfaatkan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) seperti ChatGPT sebagai instrumen untuk menilai kejituan retorik, kesesuaian, dan kerelevanan tajuk yang dipilih (Musling, 2025c).

Bagi menterjemahkan tajuk-tajuk berwajaran tinggi ini ke dalam wacana lisan, pengoperasian Nahu Wazifi memainkan peranan yang sangat kritikal sebagai strategi pemujukan (persuasi) dan retorik. Struktur tatabahasa tidak hanya digunakan untuk menyampaikan maklumat semata-mata, tetapi secara strategik dipilih untuk membina legitimasi dan mempengaruhi persepsi audiens (Musling et al., 2026).

Sebagai contoh, bagi mengupas isu sosial seperti jenayah atau krisis keluarga, uslub istifham inkari (soalan retorik) dioperasikan bukan untuk mencari jawapan, tetapi sebagai instrumen menggugat kesedaran audiens. Selain itu, binaan jumlah ma'tufah yang memaparkan elemen kontras (taqabul) diaplikasikan sebagai mekanisme pembinaan hujah yang ampuh, disokong oleh penggunaan penanda uslub tafsil sebagai strategi organisasi wacana bagi membimbing khalayak mengikuti hierarki hujah (Musling et al., 2026).

Pengucap turut memanfaatkan uslub tawkid (penegasan) sebagai alat penetapan sikap (stance marking) terhadap isu kerjaya atau akademik yang dibincangkan, manakala uslub istidlal (penyandaran hujah intertekstual) digunakan bagi membina autoriti diskursif (Musling et al., 2026). Secara tuntasnya, latihan intensif melalui pendedahan isu-isu dunia sebenar ini amat signifikan dalam menyumbang kepada pembangunan kemahiran retorik, kejelasan artikulasi yang berpengaruh, serta keyakinan diri pelajar dalam mendepani komunikasi formal bahasa Arab (Musling et al., 2025).

ELEMEN 2: RUBRIK PENILAIAN KOMPETENSI KOMUNIKASI SEJAJAR CEFR B2-C1

Selain konteks komunikasi, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan rubrik penilaian memainkan peranan signifikan dalam mengukur perkembangan kemahiran pertuturan pelajar secara holistik. Rubrik yang digunakan dalam kursus BAL3832 dibangunkan berdasarkan rubrik hibrid iaitu penjajaran antara Hasil Pembelajaran Kursus (CLO), domain afektif Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF 2.0) (Malaysian Qualifications Agency [MQA], 2017), serta deskriptor pertuturan Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) (Musling, 2025d; Council of Europe, 2020).

Menurut Elhadky (2017), kerangka CEFR bertindak sebagai instrumen rujukan utama dunia untuk menilai kecekapan bahasa, menyediakan tangga kecekapan yang telus bagi menyelaraskan penilaian di pelbagai institusi. Penjajaran ini menjadikan rubrik BAL3832 tidak sekadar menilai ketepatan tatabahasa, sebaliknya dikembangkan berlandaskan pembahagian Kafa'ah (Competence) CEFR yang mencakupi kecekapan linguistik, sosiolinguistik, dan pragmatik (Elhadky, 2017).

Bagi merealisasikan penilaian yang komprehensif, kriteria di dalam rubrik diperincikan melalui pentaksiran berasaskan tugas (*task-based assessment*), iaitu:

- i. Pemberitaan Lokasi (Wajaran 20%): Tugas ini diwajibkan dengan CLO1 pada tahap afektif A3 iaitu kemahiran memberi respon (Musling, 2025d; MQA, 2017). Rubrik memfokuskan kepada kecekapan wacana deskriptif melalui penilaian "Kandungan dan Struktur" berteraskan 5W1H. Seiring dengan konsep kecekapan sociolinguistik dalam CEFR yang menuntut kesantunan dan pengurusan hubungan sosial (Elhadky, 2017), rubrik ini secara khusus menilai aspek "Etika dan Profesionalisme" di mana pelajar diuji dari segi objektiviti, integriti, serta kepekaan mereka dalam menjaga sensitiviti budaya sewaktu bersoal jawab dengan responden (Musling, 2025d).
- ii. Perbualan Bersama Penutur Jati (Wajaran 40%): Menepati keperluan interaksi dua hala bagi pencapaian CLO2 pada tahap afektif A3 (Musling, 2025d; MQA, 2017), pentaksiran pada tahap ini memberikan wajaran tinggi kepada fungsi komunikasi interpersonal. Selain pengoperasian Nahu Wazifi yang natural (kecekapan linguistik), rubrik amat menekankan kelancaran pengawalan giliran berdialog (turn-taking) secara spontan. Lebih penting lagi, ia menilai keupayaan pragmatik pelajar mengaplikasikan "Strategi Komunikasi" secara berkesan seperti parafrasa, memohon penjelasan, merumus, dan pembaikan sendiri apabila berdepan kebuntuan wacana (Elhadky, 2017; Musling, 2025d).
- iii. Pengucapan Awam (Wajaran 40%): Tugas ketiga ini menduduki pemberat tertinggi kerana ia memenuhi CLO3 pada tahap afektif A5 iaitu pembentukan watak/menjelmakan nilai (Musling, 2025d; MQA, 2017), di mana pelajar dijangka mampu menghayati wacana sebagai identiti diri. Dari sudut rubrik, kecekapan wacana diuji melalui susunan "Kandungan dan Struktur" hujah yang mendalam dan logik. Dari sudut keberkesanan penyampaian, rubrik ini menuntut pelajar mengoperasikan taktik retorik dan keanjalan leksikal (kosa kata fusha yang luas) bagi mencetuskan pengaruh emosi serta interaksi responsif daripada audiens secara kreatif (Musling, 2025d).

Secara keseluruhannya, pelaksanaan rubrik berstruktur hibrid ini membuktikan peralihan paradigma daripada sekadar pengiraan kesalahan nahu kepada pentaksiran fungsi komunikasi secara menyeluruh. Rangka kerja penilaian ini menawarkan landasan pengukuran yang jelas, sistematik, dan berdaya maju dalam menanda aras kompetensi lisan pelajar bahasa Arab ke tahap B2 hingga C1 mengikut piawaian antarabangsa CEFR.

ELEMEN 3: KOMPETENSI KOMUNIKASI BERBANTUKAN KECERDASAN BUATAN (AI)

Selain pemetaan struktur nahu dan penggunaan rubrik holistik, modul pertuturan ini turut mengintegrasikan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) sebagai elemen pemacu kompetensi komunikasi pelajar. Pemanfaatan bot sembang AI seperti Gemini, ChatGPT, dan Copilot tidak lagi dilihat sebagai platform pembelajaran satu hala, sebaliknya ia berfungsi sebagai alat interaktif dan koperatif yang membolehkan pelajar membentuk pemahaman konseptual, aplikasi praktikal, dan penilaian sendiri secara aktif (Zaimah et al., 2024).

Dalam pelaksanaan kursus ini, AI dioperasikan sebagai instrumen sokongan pembelajaran dan maklum balas sendiri (Musling et al., 2026), khususnya dalam membantu pelajar membuat persediaan sebelum simulasi lisan dan menguji kejituan retorik bahasa Arab mereka.

Bagi menyokong pemerolehan bahasa yang komprehensif, modul ini mendedahkan pelajar kepada lima aplikasi AI utama yang mempunyai fungsi spesifik. Pertama, Gemini Live dan Perplexity AI yang menyokong ciri interaksi suara secara langsung. Gemini Live membolehkan pelajar melatih kelancaran perbualan dalam bahasa fusha mahupun dialek (amiyyah) dengan ciri pembetulan nahu masa nyata seolah-olah berinteraksi dengan manusia (Zaimah et al., 2024), manakala Perplexity AI amat berguna untuk carian maklumat

akademik mendalam kerana ia membekalkan respons yang disokong oleh sumber rujukan sah (Anwar & Mufidah, 2024).

Kedua, ChatGPT dan Microsoft Copilot digunakan secara meluas sebagai rakan main peranan (role-play partner) dan penjana senario. Sebagai contoh, pelajar menggunakan teknik prompt (arahan spesifik) di dalam ChatGPT untuk merangka skrip pemberitaan lokasi yang mematuhi kerangka 5W1H dan struktur Nahu Wazifi sebelum mereka melaksanakannya secara lisan (Berliani et al., 2024; Musling, 2025a). Ketiga, Meta AI pula menawarkan kelebihan terjemahan masa nyata (live translation) yang memudahkan pelajar menavigasi perbualan pelbagai topik dengan lancar (Musling, 2025a).

Lebih signifikan, pengoperasian AI dalam modul ini diajarkan secara sistematik mengikut keperluan perkembangan bahasa pelajar pada tahap B1, B2, dan C1. Pada tahap B1, AI dimanfaatkan untuk membina kelancaran perbualan harian, memperluas kosa kata melalui penterjemahan konteks, dan memberikan pembetulan tata bahasa asas berserta penerangan ringkas (Musling, 2025a; Septiani et al., 2024).

Apabila pelajar beralih ke tahap B2, peranan AI dikembangkan untuk menyokong perbincangan isu-isu yang lebih mendalam, menyediakan simulasi wacana dua hala yang kompleks, serta menawarkan kritikan sendiri terhadap kelancaran pelajar (Musling, 2025a; Zaimah et al., 2024). Pada tahap C1 (seperti tugas pengucapan awam), AI bertindak sebagai "penyemak retorik"; ia menganalisis teks ucapan yang panjang, menyemak gaya bahasa akademik, serta mencadangkan penstrukturan semula ayat menggunakan laras bahasa Arab formal dan kosa kata lanjutan (Berliani et al., 2024; Musling, 2025a).

Secara tuntasnya, keluasan dan kemampuan AI untuk beradaptasi dengan tahap kecekapan pengguna menjadikannya instrumen yang sangat berpotensi dalam memangkin kemahiran pertuturan bahasa Arab lanjutan secara terarah dan sendiri. Walau bagaimanapun, bagi memastikan penggunaan teknologi ini tidak menjurus kepada kebergantungan sepenuhnya dan membuta tuli, modul ini telah menetapkan satu prosedur operasi standard (SOP) berstruktur melalui templat semakan bahasa khususnya yang melibatkan persiapan teks awal seperti pengucapan awam Arab (Musling, 2025e).

Menerusi pendekatan ini, pelajar diwajibkan melalui proses tiga fasa yang telus. Pertama, pelajar perlu membina dan menyediakan "Teks Asli" bersandarkan keupayaan kognitif mereka sendiri. Kedua, teks tersebut dimasukkan ke dalam AI untuk menjana "Semakan AI" yang menawarkan pembetulan tata bahasa dan penambahbaikan gaya bahasa (uslub).

Ketiga, pelajar tidak dibenarkan menyalin terus teks tersebut, sebaliknya mereka perlu menghasilkan "Teks Akhir". Dalam fasa ketiga ini, pelajar bertindak sebagai penilai yang bertanggungjawab meneliti, menapis, dan memilih secara sedar (*aware*) struktur nahu atau laras bahasa cadangan AI yang paling menepati objektif komunikasi mereka. Proses ini secara langsung membuktikan bahawa pengoperasian AI di dalam kursus ini menuntut kebertanggungjawaban pelajar, mempromosikan pemikiran kritis, dan pada masa yang sama berjaya mengekalkan keaslian (*authenticity*) wacana yang dihasilkan oleh pelajar (Musling, 2025e).

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi makna yang besar terhadap anjakan paradigma dalam pendidikan bahasa Arab, iaitu peralihan daripada pendekatan berpusatkan struktur (nahu tradisional) kepada pendekatan komunikatif fungsional. Pemetaan progresif topik nahu merentas tiga konteks lisan membuktikan bahawa tata bahasa tidak seharusnya dipelajari secara mekanikal sebagai peraturan yang kaku.

Sebaliknya, nahu bertindak sebagai 'sumber makna' yang dioperasikan secara dinamik bagi mencapai fungsi deskriptif, interpersonal, dan persuasif (Musling et al., 2026). Transformasi ini sangat sejajar dengan kajian Dimyathi & Junaedi (2025) yang menegaskan bahawa aplikasi teori pragmatik berupaya merapatkan jurang antara pengetahuan struktur bahasa dan realiti kecekapan berkomunikasi.

Berbeza dengan kaedah terjemahan-tatabahasa (*grammar-translation method*) konvensional yang sering memisahkan pelajar daripada konteks sosial, pendekatan modul ini menuntut pelajar menggunakan bentuk linguistik yang tepat bagi menguruskan wacana, mengekalkan interaksi, dan menzahirkan kesantunan (Nurdianto, Hidayat, & Wulandari, 2020).

Selain itu, kejayaan pelajar mengoperasikan pelbagai struktur nahu dalam simulasi autentik seperti pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati, dan pengucapan awam membawa pengertian bahawa persekitaran linguistik yang bersifat dunia sebenar (*real-world*) amat kritikal dalam pemerolehan bahasa. Dapatan ini menyokong kuat prinsip Pembelajaran Berasaskan Tugas (*Task-Based Learning*) yang mendorong pelajar menggunakan bahasa secara spontan demi menyampaikan mesej, berbanding sekadar melengkapkan latihan nahu secara bertulis (Musling et al., 2025).

Kepentingan konteks autentik ini turut dibuktikan oleh Zawawi Ismail et al. (2011) yang mendapati bahawa teknik simulasi dan lakonan di dalam kelas bahasa Arab sangat berkesan dalam merungkai masalah kosa kata, kekeliruan struktur, dan strategi komunikasi pelajar secara praktikal. Dengan mendedahkan pelajar kepada isu-isu berlawanan tinggi secara lisan, modul ini didapati secara tidak langsung berjaya membina 'kesediaan untuk berkomunikasi' (*willingness to communicate*) serta mengurangkan kebimbangan bahasa (*language anxiety*) (Musling et al., 2025).

Dari sudut pentaksiran, pengaplikasian rubrik hibrid yang diujikan dengan piawaian *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) pada tahap B2–C1 memberi penafsiran bahawa penilaian bahasa Arab perlu bersifat lebih holistik dan diiktiraf di peringkat global. Ini bermakna, kualiti pertuturan bukan lagi diukur semata-mata pada ketepatan tatabahasa (*i'rab*), tetapi merangkumi kecekapan sosiolinguistik dan pragmatik seperti penggiliran wacana (*turn-taking*), kesinambungan hujah, dan ketepatan respons lisan (Nurdianto et al., 2020).

Penjajaran CEFR dalam modul ini membuktikan bahawa kemahiran pelajar boleh diukur berdasarkan keupayaan fungsional konkrit (*CAN DO statements*), sekali gus mewujudkan sistem pentaksiran yang telus, menyeluruh, dan mengelakkan pertindihan sukatan pelajaran (Abdullah et al., 2023; Nurdianto et al., 2020). Lebih menarik lagi, keberkesanan pendekatan berasaskan CEFR ini terbukti melonjak apabila disokong oleh inovasi digital dan teknologi interaktif.

Hal ini selari dengan kajian terbaharu oleh Abdelhamid et al. (2025) yang mendapati bahawa transformasi silibus tradisional kepada pendekatan interaktif berteraskan CEFR seperti pemanfaatan elemen multimedia dan realiti terimbuah berjaya mengatasi masalah keciciran fokus (*disengagement*) dalam kalangan pelajar bahasa Arab. Dapatan kajian mereka secara empirikal membuktikan bahawa penyediaan persekitaran yang berpusatkan pelajar dan dipacu teknologi mampu meningkatkan tahap motivasi, pengekalan kosa kata, serta pemahaman nahu secara signifikan berbanding kaedah konvensional (Abdelhamid et al., 2025).

Menyokong transisi digital tersebut, dapatan mengenai integrasi Kecerdasan Buatan (AI) di dalam kajian ini turut memperlihatkan dimensi kritikal yang baharu; ia membuktikan bahawa teknologi bukanlah jalan pintas (*shortcut*) yang meniadakan peranan kognitif pelajar, sebaliknya merupakan rakan kolaboratif (*role-play partner*) dalam menyempurnakan wacana retorik bahasa Arab.

Melalui Prosedur Operasi Standard (SOP) tiga fasa bermula dengan teks asli, semakan AI, dan tapisan teks akhir pelajar diwajibkan mengambil kebertanggungjawaban dalam menilai cadangan nahu yang diberikan oleh mesin. Pendekatan ini menyokong kuat penemuan Sahrir et al. (2025) yang merekodkan impak positif tinggi teknologi AI generatif terhadap penguasaan kosa kata, tatabahasa, dan kelancaran pelajar di peringkat pengajian tinggi.

Walau bagaimanapun, Adawiyah (2025) dalam kajiannya memberikan kritikan analitik bahawa cabaran utama implementasi AI ialah risiko pelajar menjadi pasif dan terlalu bergantung kepada terjemahan semberono, terutamanya bagi mereka yang lemah asas

nahu. Justeru, tindakan kursus ini yang mewajibkan penyediaan draf mandiri terlebih dahulu, disusuli penapisan akhir oleh pelajar sendiri, bertindak sebagai mekanisme kawalan (*control mechanism*) yang utuh bagi memelihara integriti akademik serta mengatasi dilema pedagogi yang diutarakan oleh Adawiyah (2025).

PENUTUP

Kajian ini telah membentangkan satu kerangka konseptual yang komprehensif bagi membangunkan model pertuturan bahasa Arab lanjutan di peringkat pendidikan tinggi. Secara asasnya, kajian ini telah merangka dan menganalisis pelaksanaan pedagogi dalam kursus Pertuturan Bahasa Arab Lanjutan (BAL3832) yang melibatkan 108 orang pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Pembangunan model ini direalisasikan melalui integrasi tiga komponen utama, iaitu pendekatan Nahu Wazifi sebagai asas fungsional linguistik, pemetaan rubrik pentaksiran berasaskan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR), serta pemanfaatan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) sebagai instrumen sokongan pembelajaran sendiri.

Berdasarkan pelaksanaan model tersebut, kajian ini mendapati bahawa pelajar mampu mengoperasikan struktur nahu yang kompleks apabila ia diletakkan di dalam konteks komunikasi yang autentik dan bermakna. Tiga domain komunikasi yang diuji iaitu pemberitaan lokasi, perbualan bersama penutur jati, dan pengucapan awam membuktikan bahawa tatabahasa Arab tidak lagi dilihat sebagai hafalan hukum yang kaku, sebaliknya dimanipulasi sebagai "sumber makna" bagi menguruskan wacana, mengekalkan interaksi, dan membina hujah retorik yang kritis.

Di samping itu, penggunaan rubrik hibrid yang diujikan dengan tahap CEFR B2 hingga C1 serta pengenalan Prosedur Operasi Standard (SOP) semakan AI tiga fasa (Teks Asli, Semakan AI, Teks Akhir) didapati berjaya memacu kebertanggungjawaban pelajar dalam menilai cadangan bahasa yang dijana oleh mesin sambil mengekalkan keaslian wacana mereka.

Melalui perbincangan kajian, integrasi ketiga-tiga elemen ini memberikan makna yang besar terhadap anjakan paradigma dalam pendidikan bahasa Arab, khususnya dalam beralih daripada kaedah terjemahan-tatabahasa konvensional kepada pendekatan komunikatif-fungsional. Pendedahan pelajar kepada dunia sebenar menerusi Pembelajaran Berasaskan Tugas (*Task-Based Learning*) bukan sahaja mengurangkan kebimbangan bahasa, malah meningkatkan kesediaan mereka untuk berkomunikasi.

Tambahan pula, penjajaran rubrik berasaskan CEFR menawarkan standard penilaian yang diiktiraf di peringkat global, manakala SOP integrasi AI bertindak sebagai mekanisme kawalan yang ampuh bagi mengelakkan pelajar daripada bersikap pasif atau bergantung sepenuhnya kepada teknologi.

Walau bagaimanapun, kerangka konseptual dan dapatan pedagogi kajian ini tidak terlepas daripada beberapa limitasi. Pertama, kajian ini hanya meneliti kelompok sampel pelajar pada tahap lanjutan (pelajar tahun dua yang mengambil minor Komunikasi) di sebuah universiti awam sahaja, yang mungkin tidak mencerminkan senario kecekapan pelajar pada tahap asas atau pertengahan.

Kedua, tumpuan analisis terhadap penggunaan AI dalam modul ini hanya terhad kepada fungsi AI generatif umum (seperti ChatGPT, Gemini, dan Copilot) yang memfokuskan kepada penjaan teks dan interaksi suara asas, tanpa mengambil kira alat teknologi pendidikan AI khusus yang direka semata-mata untuk pemerolehan sintaksis dan fonetik bahasa Arab.

Menyedari limitasi tersebut, beberapa saranan dikemukakan untuk rujukan pengkaji dan pengamal pendidikan bahasa Arab pada masa akan datang. Kajian lanjutan amat digalakkan untuk mengadaptasi dan menguji kerangka Nahu Wazifi berbantuan AI ini ke atas pelajar di pelbagai tahap kecekapan CEFR, khususnya pada tahap asas (A1-A2) dan pertengahan (B1), bagi melihat kebolehsuaian modul.

Selain itu, kajian empirikal atau kuasi-eksperimen yang mengukur keberkesanan kuantitatif model ini menerusi ujian pra dan pasca ke atas prestasi kelancaran lisan pelajar perlu dijalankan. Penyelidikan berterusan mengenai impak jangka panjang teknologi AI terhadap pengekal kos kata dan motivasi pelajar juga penting bagi menyokong ekosistem pembelajaran yang mampan.

Kesimpulannya, model pertuturan bahasa Arab lanjutan berasaskan integrasi Nahu Wazifi, CEFR, dan AI ini menawarkan penyelesaian pedagogi yang holistik dan kontemporari. Ia bukan sahaja berupaya merapatkan jurang antara pengetahuan nahu teori dan amalan komunikasi sebenar, malah berjaya melahirkan graduan bahasa Arab yang bukan sekadar fasih dan berani berhujah, tetapi juga celik teknologi serta memiliki daya saing yang tinggi di peringkat global.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Pusat Tanggungjawab (PTJ), Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, bertajuk: Keberkesanan Modul Pertuturan Bahasa Arab Lanjutan Berasaskan Integrasi Pendekatan Nahu Wazifi dan Kecerdasan Buatan (AI) Bagi Meningkatkan Kompetensi Komunikasi Pelajar FPBU, kod penyelidikan: PPPI/PTJ/FPBU/USIM/13925.

RUJUKAN

- Abdelhamid, I. Y., Mohd Yusop, J. S., Mohamad Yusof, M. A., Lutfi Hassan, & Ahmed Haridy, E. (2025). An Interactive CEFR-Based Approach to Learning Arabic as a Third Language at UiTM Through Augmented Reality and Multimedia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(05), 173–186. <https://doi.org/10.64757/alqanatir.2025.345/1294>
- Abdullah, M. R., Yaakob, M. A., Zulkifli, M. F., & Sahrir, M. S. (2023). A review of studies related to Arabic language learning based on the Common European Framework of Reference for Language (CEFR). *Ijaz Arabi: Journal of Arabic Learning*, 6(2), 463–477. <https://doi.org/10.18860/ijazarabi.v6i2.20386>
- Adawiyah, R. (2025). Implementing AI in Arabic language learning: Challenges and insights from Islamic higher education. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan*, 17(3), 3729–3739.
- Al-Husseini, W. M. K. (2022). The effect of teaching Arabic grammar according to functional education in the achievement of female students fourth grade literary. *Thi Qar Arts Journal*, 1(38), 23–54.
- Al-Jurjani, 'Abd al-Qahir. (1984). *Dala'il al-i'jaz* (M. M. Shakir, Penyunt.). Maktabah al-Khanji.
- Alshammari, A. M. (2018). The communicative approach to teaching Arabic as a second language. *Journal of Language Teaching and Research*, 8(5), 1131–1138.
- Anwar, R., & Mufidah, N. (2024). Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pembelajaran mahasiswa kelas peminatan penelitian bahasa Arab. *ALLE: Arabic of Language and Linguistic Education*, 3(1), 1–17.
- Berliani, D., Azhari, I., & Taufiqurrochman, R. (2024). Exploring the potential of ChatGPT as a technology-based tool for Arabic language learning: Benefits and risks. *Kitaba*, 2(2), 62–69.
- Boulesnam, I., & Boucetti, R. (2025). Arabic language characteristics that make its automatic processing challenging. *International Arab Journal of Information Technology (IAJIT)*, 22(4), 814–831.
- Council of Europe. (2020). *Common European framework of reference for languages: Learning, teaching, assessment – Companion volume with new descriptors*. Council of Europe Publishing.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dimyathi, M. A., & Junaedi, J. (2025). Utilizing Pragmatic Theory In Arabic Language Teaching: Enhancing Students' Communication Skills Effectively. *Jurnal Edusci*, 2(5), 366–383. <https://doi.org/10.62885/edusci.v2i5.756>

- Elhadky, I. Y. (2017). *Muraaja'at kitab al-Itar al-Marji'iy al-Urubbiyy al-Mushtarak lil lughat: Taqvim, tadris, dirasah* [Review of the book Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment]. Fatih Sultan Mehmet Waqf University. <https://www.researchgate.net/publication/312121165>
- Ellis, R. (2015). *Understanding second language acquisition* (2nd ed.). Oxford University Press.
- Elo, S., & Kyngäs, H. (2008). The qualitative content analysis process. *Journal of Advanced Nursing*, 62(1), 107–115. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.2007.04569.x>
- Godwin-Jones, R. (2022). Partnering with AI: Intelligent technologies and language learning. *Language Learning & Technology*, 26(2), 5–24.
- Godwin-Jones, R. (2023). Emerging spaces for language learning: AI bots, ambient intelligence, and the metaverse. *Language Learning & Technology*, 27(2), 6–27. <https://doi.org/10.64152/10125/73501>
- Huang, W., Hew, K. F., & Fryer, L. K. (2022). Chatbots for language learning—Are they really useful? A systematic review of chatbot-supported language learning. *Journal of Computing in Higher Education*, 34(1), 137–167.
- Ibn Hisham al-Ansari, A. M. (1990). *Mughni al-labib 'an kutub al-a'arib* (M. al-Mubarak & M. A. Hamad, Penyunt.). Dar al-Fikr.
- Jabareen, Y. (2009). Building a conceptual framework: Philosophy, definitions, and procedure. *International Journal of Qualitative Methods*, 8(4), 49–62.
- Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). SAGE Publications.
- Malaysian Qualifications Agency. (2017). *Malaysian qualifications framework (MQF)* (2nd ed.). MQA.
- Musling, M. N. (2025a). *Modul Pertuturan Bahasa Arab Lanjutan* [Edaran Pelajar SMBAK QB09, BAL3832]. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Musling, M. N. (2025b). *Dokumen Senarai Tajuk Pengucapan Awam BAL3832 A251, 2025* [Edaran Pelajar SMBAK QB09, BAL3832]. Dokumen tidak diterbitkan Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Musling, M. N. (2025c). *Dokumen Panduan Pemilihan Tajuk Pengucapan Awam BAL3832 A251, 2025*. Dokumen tidak diterbitkan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Musling, M. N. (2025d). *Dokumen Deskripsi dan Rubrik Pertuturan Bahasa Arab Lanjutan, BAL3832*. Dokumen tidak diterbitkan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Musling, M. N. (2025e). *Templat semakan bahasa: Tugas pertuturan bahasa Arab lanjutan*. Dokumen tidak diterbitkan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Musling, M. N., Abd Ghani, M. I., Baharum, A. S., Mohamed, Y., Mat Saad, N. S., & Ibrahim, M. (2026). Pengoperasian Nahu Wazifi dalam modul pertuturan bahasa Arab lanjutan: Pemberitaan lokasi, perbualan Arab & pengucapan awam. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 42(1), 291–309. <https://doi.org/10.37934/arsbs.42.1.291309>
- Musling, M. N., Mohamed, Y., & Abd Ghani, M. I. (2025). Konteks pertuturan bahasa Arab lanjutan berasaskan Nahu Wazifi: Konsep dan aplikasi. Dalam *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2025 (SAIS 2025)* (m.s. 556–570). Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM).
- Nurdianto, T., Hidayat, Y., & Wulandari, V. A. (2020). CEFR-based Arabic language learning competency. *Izdiyar: Journal of Arabic Language Teaching, Linguistics, and Literature*, 3(3), 229–248. <https://doi.org/10.22219/jiz.v3i3.14123>
- Richards, J. C., & Rodgers, T. S. (2014). *Approaches and methods in language teaching* (3rd ed.). Cambridge University Press.
- Ryding, K. C. (2013). *Teaching and learning Arabic as a foreign language: A guide for teachers*. Georgetown University Press.

- Sahrir, M. S., Albantani, A. M., Arifin, F., & Fathudin. (2025). The use of generative artificial intelligence (AI) in Arabic language education: Insights and implications between Malaysia and Indonesia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 9(3), 3638–3646. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90300288>
- Septiani, B. V., Mangunsong, V., Putri, E. E., & Fitriani, A. (2024). Pengukuran penerimaan teknologi Microsoft Copilot pada mahasiswa menggunakan metode TAM. *Prosiding Seminar Nasional Teknologi Dan Sistem Informasi*, 4(1), 239–248.
- Sibawayh, A. B. U. (1988). *Al-Kitab* (A. S. M. Harun, Penyunt.). Maktabah al-Khanji.
- Sumi, A., & Tominaga, M. (2022). Different methods and approaches for teaching Arabic grammar. Dalam K. M. Wahba, Z. Taha, & M. Giolfo (Penyunt.), *Teaching and learning Arabic grammar: Theory, practice, and research* (m.s. 237–255). Routledge.
- Zaimah, N. R., Estu, R. K. W., Hidayah, S. F., Hadi, S., & Button, A. (2024). Harnessing Gemini for Arabic mastery: Educators' and learners' views. *Alibbaa': Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 5(2), 166–188.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2), 67–82.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.